

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG HO WAI [ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah status cadangan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme - SPRWTS) untuk menjamin bekalan air yang mencukupi di utara Perak dan Pulau Pinang dan apakah usaha Majlis Air Negara dalam fasilitasi projek pemindahan air mentah antara negeri-negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Status Cadangan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (*Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme – SPRWTS*) untuk menjamin bekalan air mencukupi di utara Perak dan Pulau Pinang masih di peringkat perancangan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).
2. Pelaksanaan projek ini perlu mendapatkan persetujuan kedua-dua negeri berkaitan bidang kuasa sumber air. Oleh yang demikian, KASA ingin mencadangkan agar kedua-dua negeri segera mencapai persetujuan memandangkan projek ini amat penting bagi menangani masalah kekurangan sumber bekalan air di kawasan utara Perak dan negeri Pulau Pinang.

3. Sekiranya projek ini mendapat persetujuan kedua-dua negeri dan dilaksanakan, maka Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (*Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme – SPRWTS*) ini akan melibatkan dua komponen:

- (i) pembinaan terowong air mentah bagi penyaluran air mentah dari negeri Perak ke Pulau Pinang secara geran oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (ii) pembinaan loji rawatan air (LRA) melalui pembiayaan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Sekian, terima kasih.